

22 JUL 2002

PM ZIARAH JENAZAH RAKAN KARIB

KUALA LUMPUR, 22 Julai (Bernama) -- Dalam kesibukan acara lawatan Presiden Iran, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sempat menziarahi jenazah seorang rakan karibnya yang meninggal dunia malam tadi.

Sejurus selepas melakukan kunjungan hormat ke atas Presiden Iran Seyed Mohammad Khatami di hotel penginapannya, Dr Mahathir terus menuju ke rumah allahyarham Datuk Adnan Abdullah di Bukit Damansara di sini.

Dr Mahathir, yang diiringi oleh isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, tiba pada kira-kira pukul 12 tengah hari dan mengucapkan takziah kepada isteri allahyarham, Datin Siti Rohani Ismail.

Menurut menantu allahyarham, Raja Teh Maimunah Raja Abdul Aziz, bapa mentuanya merupakan rakan karib Dr Mahathir ketika mereka menuntut di Universiti Malaya di Singapura dahulu.

Beliau berkata bapa mentuanya yang berusia 76 tahun meninggal dunia pada kira-kira 10 malam tadi ketika tidur kerana sakit tua.

Allahyarham mempunyai empat anak lelaki.

Jenazah allahyarham dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Kinrara, Puchong selepas waktu Zohor.

-- BERNAMA

AKT AZZ LAT